

MASALAH NELAYAN TRADISIONAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA: PENYELESAIAN TANPA KESUDAHAN

*The Problems of Traditional Fishermen in Peninsular Malaysia:
Solutions without an End*

Mohammad Raduan, Mohammad Sharir & Zarina Aziz

ABSTRACT

This paper aims to discuss the problems in fishing faced by traditional fishermen in Peninsular Malaysia and further debate on the actions taken in overcoming the problem. The discussion covers the period from 1970 when the New Economic Policy (NEP) was established up to 2007. In this case, the traditional fishermen also known as small fishermen or artisanal, carrying out fish catching operation whether for self consumption or for selling, in the coastal area not more than 5 nautical miles from the shore. They are full time fishermen operating for more than 120 days in a year and the main source of income is from fishing. The discussion in this paper, aside from the data and official information released by the government particularly of the Malaysia Department of Fisheries and Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), is also based on the fieldwork carried out in the states of Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Pahang in 2007. The research was funded by the Center for Poverty and Development Studies, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya under the project “Penilaian Keberkesanan Program-program Pembasmian Kemiskinan Tegar Di kalangan Nelayan Artisenal di Malaysia”.

Keywords: Fishing, fishermen, artisinal, consumption, and selling

PENGENALAN

Perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia sejak zaman selepas Merdeka lagi telah menunjukkan dualisme yang nyata, di antara nelayan komersial dengan nelayan tradisional. Nelayan komersial menggunakan bot-bot perikanan yang besar, perkakas menangkap ikan berteknologi tinggi dan efisien seperti pukat tunda dan pukat jerut, yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan moden. Perikanan komersial memerlukan penglibatan modal yang besar. Bot-bot perikanan komersial beroperasi jauh dari pantai, terutama di kawasan laut dalam dan perairan antarabangsa. Mereka menjalankan operasi menangkap ikan dalam tempoh yang agak lama iaitu dari beberapa hari hingga melebihi satu bulan. Hasil tangkapan adalah tinggi, dipasarkan untuk memenuhi permintaan tempatan dan untuk tujuan eksport. Perusahaan perikanan komersial ini dimiliki dan diusahakan oleh golongan pemodal atau dikenali juga sebagai pihak swasta. Mereka mempunyai cara bekerja tersendiri, memperoleh pendapatan yang lumayan dan tidak bergantung secara langsung kepada bantuan kerajaan.

Pada tahun 2002 terdapat 38,628 orang nelayan yang bekerja di atas bot menangkap ikan komersial (46.7 peratus daripada jumlah keseluruhan nelayan). Bot perikanan komersial berjumlah 7,185 buah atau 23 peratus daripada jumlah keseluruhan bot. Bilangan perkakas menangkap ikan komersial yang didaftarkan pada tahun tersebut sebanyak 7,210 unit¹.

Sementara itu nelayan tradisional pula merupakan nelayan-nelayan yang menggunakan perahu atau bot-bot kecil, perkakas menangkap ikan yang simpel seperti pukat hanyut, pukat tangguk, pukat bakul, pukat rentang, pukat tarik, pukat sorong, belat, pancing, bubu, rawai dan sebagainya beroperasi di kawasan perairan berhampiran dengan pantai. Operasi menangkap ikan dijalankan seorang atau berdua yang rata-ratanya pulang hari, pergi pagi balik petang atau pergi petang balik pagi. Hasil tangkapan rendah dan sebahagian besarnya digunakan untuk sara diri. Lebihan dijual atau diproses menjadi ikan masin atau ikan kering. Perusahaan perikanan tradisional ini amat bergantung kepada bantuan dan sokongan kerajaan.

Pada tahun 2002 terdapat 44,002 orang nelayan yang bekerja di atas bot menangkap ikan tradisional (53.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nelayan). Bot perikanan tradisional terdiri daripada sampan tanpa jentera, bot berenjin sangkut dan bot berenjin dalam bermuatan kurang 19 Gross Tonnage (GRT) berjumlah 23,566 buah (77 peratus daripada jumlah keseluruhan bot perikanan). Bilangan perkakas menangkap ikan tradisional yang didaftarkan pada tahun tersebut berjumlah 23,565 unit.²

JURANG PENDAPATAN DAN MASALAH KEMISKINAN

Dari segi lokasi nelayan komersial hampir keseluruhan berada di kawasan bandar-bandar utama atau berhampiran bandar, sementara nelayan tradisional rata-rata berada di luar bandar baik di sepanjang pantai maupun di pulau-pulau. Ini telah memperlihatkan jurang lokasi di kalangan nelayan di antara bandar dan luar bandar. Sementara itu dari segi taburan, jurang juga wujud di antara kawasan, di mana nelayan komersial lebih ramai di Pantai Barat sementara nelayan tradisional lebih ramai di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Selain daripada itu jurang juga wujud mengikut etnik. Perikanan komersial kebanyakannya dimiliki dan diusahakan oleh nelayan Cina. Kebelakangan ini disertai oleh nelayan-nelayan asing dari Thailand, Myanmar, Vietnam, Filipina dan Indonesia. Sementara perikanan tradisional diusahakan oleh nelayan-nelayan Melayu dan Bumiputra yang lain.

Bagaimana pun persoalan yang lebih penting adalah jurang dari segi pendapatan. Nelayan-nelayan komersial secara relatif kecil bilangannya, tetapi menguasai perusahaan perikanan di negara ini, memperoleh pendapatan yang lumayan. Sedangkan nelayan-nelayan tradisional yang besar bilangannya, kebanyakannya mereka berada di bawah garis kemiskinan. Hal ini perlu ditangani, jika tidak nelayan tradisional yang begitu ramai bilangannya akan tersingkir dari kerjaya mereka kerana tidak mampu bersaing dengan nelayan komersial.

Pada tahun 1970, dianggarkan sebanyak 28 ribu isi rumah nelayan atau 73.2 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah nelayan di Semenanjung Malaysia adalah miskin. Kadar kemiskinan di kalangan nelayan merupakan yang ketiga tertinggi, selepas penanam padi (88.1 peratus) dan petani-petani lain (89 peratus).³ Menurut Nik Hashim terdapat enam faktor yang dikenal pasti sebagai punca mengapa nelayan miskin.

1. Kekurangan modal untuk membeli bot-bot dan peralatan moden
2. Daya pengeluaran nelayan yang rendah
3. Tingkat atau kadar pelaburan semula nelayan yang rendah
4. Sistem perkongsian yang diamalkan dalam operasi tangkapan
5. Sistem harga yang merugikan nelayan
6. Corak penangkapan ikan yang bermusim⁴

Untuk mengatasi atau setidak-tidaknya mengurangi masalah di atas, pihak kerajaan telah menggunakan “pendekatan modenisasi”. Kerajaan yakin bahawa nelayan tradisional miskin disebabkan memperoleh pendapatan dari pekerjaan utama yang rendah. Rendahnya pendapatan disebabkan tingkat produktiviti yang rendah, kerana menggunakan peralatan dan beroperasi secara tradisional. Untuk itu nelayan tradisional perlu dibantu melalui proses modenisasi, yang akan dilaksanakan dalam strategi pembangunan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990).

Strategi perancangan jangka panjang Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk pembasmian kemiskinan mempunyai empat unsur asas, seperti berikut:

1. Menanggap kekurangan aset-aset produktif sebagai faktor utama yang menyebabkan daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah di kalangan penduduk desa. Strategi perancangan ini menitikberatkan penyediaan bantuan kepada golongan miskin untuk menambahkan aset produktif dan menggunakan dengan cekap.
2. Strategi mengurangkan tekanan penambahan penduduk di kawasan desa melalui penyediaan peluang bagi golongan miskin yang tidak beraset untuk bergiat dalam sektor pertanian dan bukan pertanian lain yang lebih produktif.
3. Memodenkan kawasan desa melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap di bidang perusahaan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik, pelajaran, kesihatan, zat makanan dan perancangan keluarga.
4. Mempercepatkan lagi usaha penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang produktif dalam sektor-sektor ekonomi di peringkat kedua dan ketiga.⁵

Di bidang perikanan, perlaksanaan strategi-strategi pembasmian kemiskinan yang dinyatakan di atas melibatkan usaha-usaha menggalakkan pemilikan bot dan alat-alat tangkapan moden di kalangan nelayan, pembinaan kemudahan infrastruktur, memperbaiki kemudahan pemasaran, penyelidikan perikanan, menggalakkan penubuhan persatuan nelayan, memberi latihan dan menjalankan kerja pembangunan.

Dasar pembangunan ini dilaksanakan berdasarkan taksiran bahawa kemiskinan nelayan adalah disebabkan oleh daya pengeluaran yang rendah. Untuk mengatasinya, tingkat dan daya pengeluaran nelayan perlu ditingkatkan melalui penggunaan teknologi moden seperti bot berenjin yang lebih besar dan alat penangkapan yang lebih cekap. Keduanya, ialah skim memperbaiki kemudahan pemasaran ikan. Skim ini dilancarkan berdasarkan tafsiran bahawa komuniti nelayan telah dieksplotasi oleh orang tengah. Melalui skim ini, komuniti nelayan diharapkan akan mendapatkan harga yang munasabah dan seterusnya

meningkatkan pendapatan mereka. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai program untuk komuniti nelayan.

Selain daripada itu, program juga dianjurkan supaya dapat mengurangkan jumlah nelayan dalam sesebuah bot dan meningkatkan bilangan nelayan pemilik bot dan atau memiliki alat penangkapan sendiri. Rancangan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup nelayan kecil dengan membebaskan mereka daripada cengkaman golongan tauke bot dan pemberi pinjaman.⁶ Untuk menjayakan rancangan yang dinyatakan di atas kerajaan melalui agensinya telah mengeluarkan banyak dan pelbagai bentuk subsidi. Menurut laporan Bank Dunia, negara ini merupakan negara yang paling banyak di dunia mengeluarkan subsidi kepada golongan nelayan.

Bagaimana pun semasa Dasar Pertanian Negara dilancarkan pada tahun 1984, kerajaan telah menetapkan untuk tidak menggalakkan lagi perkembangan perusahaan perikanan secara kecil-kecilan. Sejak dari tempoh tersebut, bantuan subsidi diesel kepada nelayan kecil telah diberhentikan dan bantuan subsidi yang diberikan kepada nelayan tradisional telah dikurangkan.

Usaha yang dijalankan oleh kerajaan melalui pendekatan modenisasi sepanjang tempoh Dasar Ekonomi Baru tersebut, telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan nelayan dari 73.2 peratus pada tahun 1970 kepada 24.5 peratus pada tahun 1987, dan kadar kemiskinan meningkat semula kepada 39.0 peratus pada tahun 1990.⁷ Menurut perangkaan yang disediakan oleh Unit Perancangan Ekonomi, pada tahun 2001 hanya terdapat lebih kurang 9,000 orang nelayan yang masih berada di bawah garis kemiskinan. Mereka ini merupakan 11 peratus daripada jumlah nelayan pada tahun tersebut. Nelayan-nelayan yang dikategorikan sebagai nelayan miskin adalah yang berpendapatan kurang RM529.00 sebulan manakala nelayan termiskin berpendapatan kurang RM230.00 sebulan.⁸

KEPUPUSAN SUMBER IKAN DI PERAIRAN PANTAI

Berdasarkan kepada Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Malaysia, secara purata 80 hingga 90 peratus daripada jumlah ikan yang didararkan di Semenanjung Malaysia adalah daripada perikanan pantai, sementara bakinya daripada Perikanan Laut Dalam dan Akuakultur.⁹ Kajian yang dijalankan oleh Jabatan tersebut, mendapati kawasan perairan pantai telah mengalami lebihan aktiviti menangkap ikan atau tepatnya dikatakan telah berlaku tangkapan berlebihan (*over exploitation*) sehingga menyebabkan kepupusan sumber ikan. Ini bermakna sebarang usaha untuk menambah daya tangkapan akan memusnahkan sumber tersebut.

Tangkapan berlebihan terjadi kerana bertambahnya bilangan bot perikanan di negara ini. Pada tahun 1955, bot berenjin dalam hanya berjumlah 603 buah dan pada tahun 2,000 telah meningkat dengan banyaknya kepada 12,140 buah, sementara bot berenjin sangkut dalam tempoh yang sama telah meningkat daripada 3,947 buah kepada 6,240 buah.¹⁰ Ini merupakan salah satu impak daripada pendekatan modenisasi perikanan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan selama ini.

Selain daripada banyaknya bot beroperasi di kawasan perairan pinggir pantai, kepupusan sumber perikanan ada kaitannya dengan penggunaan pukat tunda. Pukat tunda merupakan perkakas menangkap ikan demersal yang paling

efisien pada masa ini. Bagaimana pun penggunaannya yang tidak mematuhi peraturan telah menimbulkan banyak masalah kepada nelayan tradisional.

Pukat tunda sepatutnya beroperasi di kawasan perairan jauh dari pantai, sekurang-kurangnya lima batu nautika dari pantai. Namun begitu didapati sebilangan pemilik bot pukat tunda yang tidak bertanggung jawab, terutamanya bot-bot pukat tunda haram (tanpa lesen) secara senyap-senyap telah menjalankan operasi menangkap ikan di perairan pinggir pantai. Mereka menjalankan operasi haram tersebut pada waktu malam. Tindakan mereka ini telah memusnahkan sumber perikanan kerana mereka menangkap semua jenis dan semua saiz ikan, termasuk ikan-ikan yang masih kecil yang mengalami tempoh pembesaran di kawasan perairan pinggir pantai. Ikan-ikan kecil ini tidak mempunyai nilai perdagangan dan hanya sesuai dijadikan makanan ternakan atau pun dijadikan baja dagangan. Perbuatan ini membazir sumber perikanan negara.

Selain daripada itu, tindakan pukat tunda yang "membajak" dasar laut telah memusnahkan kawasan terumbu karang dan kawasan pembiakan ikan. Ini dari segi jangka panjang merugikan kaum nelayan, khususnya nelayan pantai. Nelayan pantai selain mengalami masalah persaingan dengan pukat tunda dalam mendapatkan sumber perikanan, mereka turut juga menghadapi masalah kemusnahan alat menangkap ikan yang diakibatkan oleh tindakan pukat tunda yang beroperasi di kawasan perairan berhampiran pantai.

Kemusnahan alat menangkap ikan ini dialami oleh nelayan-nelayan yang menggunakan pukat tangsi atau dikenali juga sebagai "pukat kaya" dan juga nelayan yang menggunakan peralatan bubu. Pukat tunda yang beroperasi di kawasan perairan yang dihadkan kepada nelayan tradisional (kurang lima batu nautika dari pantai) telah melanggar dan seterusnya memusnahkan pukat-pukat tangsi yang dipasang oleh nelayan. Dalam masa menunda, pukat tunda turut mengaut bubu-bubu yang ditenggelamkan di dasar laut. Nelayan tradisional terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membeli pukat dan membuat bubu baru sebelum boleh turun ke laut. Sebidang pukat menelan kos melebihi RM100.00 begitu juga dengan sebuah bubu. Nelayan tradisional biasanya menggunakan di antara sepuluh hingga dua puluh bidang pukat semasa beroperasi di laut, begitu juga dengan bubu.

Kesan tangkapan berlebihan itu menyebabkan nelayan tradisional pada hari ini merasakan usaha yang mereka jalankan tidak mendapat pulangan yang memuaskan. Secara bandingan mereka mengatakan cara menangkap ikan pada hari ini lebih mudah dari dahulu kerana menggunakan peralatan moden, tetapi dari segi kuantiti tangkapan, dahulu lebih banyak dari sekarang. Mereka berpendapat laut sekarang telah mengalami kekurangan ikan.

Untuk mengatasi masalah kepupusan sumber ikan di perairan pantai, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan berikut:

1. Mengawal Daya Usaha Menangkap Ikan

Tindakan mengawal daya usaha menangkap ikan dilakukan dengan cara membekukan pengeluaran lesen baru. Bagaimana pun lesen-lesen baru masih dikeluarkan kepada nelayan yang ingin menjalankan operasi menangkap ikan di perairan laut dalam.

Eksplorasi berlebihan juga terjadi disebabkan berlakunya lebihan nelayan. Oleh itu individu baru perlu dihalang daripada memasuki sektor ini, khususnya dalam sektor perikanan pantai. Untuk itu Jabatan Perikanan telah melaksanakan

program pendaftaran nelayan. Di bawah program ini semua nelayan diwajibkan mendaftar dan memiliki kad pendaftaran nelayan. Nelayan yang mempunyai kad pendaftaran sahaja dibenarkan memiliki bot perikanan dan menjalankan operasi menangkap ikan di Zon A dan B.

Sementara itu bagi mengurangkan bilangan nelayan sedia ada, tindakan mengeluarkan nelayan dari sektor perikanan dilaksanakan. Nelayan secara sukarela telah digalakkan keluar dari sektor perikanan dan mencebur ke bidang pertanian, seperti menjadi peneroka dalam rancangan FELDA. Nelayan juga digalakkan melibatkan diri dalam industri hiliran seperti pemprosesan hasil perikanan, perniagaan hasil perikanan dan lain-lain. Selain daripada itu nelayan juga digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ternakair, seperti menternak ikan dalam sangkar, dalam kolam, memelihara kerang, siput dan sebagainya. Anak-anak nelayan tidak digalakkan mewarisi pekerjaan bapa mereka. Mereka digalakkan mencebur ke bidang perindustrian, perniagaan, perkhidmatan awam dan sebagainya.

Dengan mengambil tindakan mengawal kemasukan individu baru ke sektor perikanan dan mengurangkan bilangan nelayan sedia ada, diharapkan nelayan pantai akan mendapat pulangan yang lebih baik dan pada masa yang sama kedudukan sumber perikanan dapat diseimbangkan.¹¹

2. Memulihkan dan Memulihara Sumber Perikanan Serta Ekosistem Marin

Bagi memulihkan dan memulihara sumber perikanan pantai, Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan mengezonkan kawasan perairan kepada beberapa zon perikanan. Peraturan telah ditetapkan di mana peralatan menangkap ikan komersial yang boleh menangkap ikan dalam jumlah yang banyak seperti pukat jerut, dan juga peralatan yang boleh merosakkan dasar laut seperti pukat tunda tidak dibenarkan beroperasi di kawasan perairan pinggir pantai iaitu di Zon A. Dengan membuat peraturan sebegini, selain daripada dapat melindungi ekosistem pantai khususnya zon litoral, masalah pertelingkahan merebut kawasan operasi menangkap ikan di antara nelayan komersial dengan nelayan tradisional dapat diatasi. Ini dapat dilakukan kerana melalui penzonan kedua-dua kategori nelayan tersebut dapat diasangkan.

Bagi melindungi sepenuhnya ekosistem di beberapa kawasan perairan, tindakan mewartakan perairan sebagai kawasan rizab dan taman laut telah dilaksanakan. Peraturan yang diwujudkan melarang aktiviti menangkap ikan dan kegiatan mengutip fauna dan flora marin dalam perairan satu batu hingga dua batu nautika dari pulau-pulau yang diisytiharkan sebagai taman laut. Larangan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ikan-ikan dan hidupan marin yang hidup di perairan persekitaran pulau hidup membesar dan membiak.

Untuk menambah stok sumber perikanan di samping memperkembangkan dan membaik pulih ekosistem dasar laut, Jabatan Perikanan telah melaksanakan program pembinaan tukun tiruan. Tukun tiruan ini berjaya mengujudkan ekosistem laut yang sesuai untuk pembiakan, pembesaran dan perlindungan ikan dan sumber laut yang lain di perairan pantai.

Selain daripada itu Jabatan Perikanan telah melaksanakan program perlepasan benih-benih ikan dan udang di perairan muara-muara sungai yang telah dikenal pasti mengalami kekurangan sumber. Dengan berbuat demikian dapat menambahkan stok perikanan di muara-muara sungai tersebut.¹²

Pendekatan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan di atas amatlah baik dan sepatutnya dapat mengatasi masalah sumber perikanan pantai negara ini. Namun begitu persoalan yang timbul adalah dari segi perlaksanaan, adakah ianya sejajar dengan perancangan.

Satu perkara aneh yang berlaku pada masa kini, ialah percanggahan tindakan di antara agensi kerajaan yang membantu memajukan nelayan tradisional. Apa yang dimaksudkan ialah tindakan yang diambil oleh LKIM dan Kerajaan Negeri dalam membantu kaum nelayan, khususnya nelayan tradisional yang dikatakan berada dalam kategori "nelayan miskin tegar" bertentangan dengan pendekatan Jabatan Perikanan seperti yang telah dijelaskan di atas.

Dalam usaha menghapuskan nelayan miskin tegar, LKIM dan Kerajaan Negeri melalui pelbagai program telah memberikan secara percuma dan juga secara subsidi bot-bot perikanan berserta enjin bot bersaiz kecil kepada nelayan tradisional pinggir pantai. Dalam hal ini, nelayan pantai telah diberi bot fiber dari ukuran 17 kaki hingga 22 kaki panjang dan enjin bot dari 15 kuasa kuda hingga 30 kuasa kuda. Bot-bot ini beroperasi menangkap ikan di perairan pinggir pantai dengan menggunakan pukat tangsi (dikenali sebagai pukat kaya di Terengganu dan Pahang), pancing dan buba.

Oleh kerana Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan lesen baru, maka didapati sebilangan "nelayan miskin tegar" di atas dan mereka yang menerima bot dan enjin secara percuma telah menjalankan operasi menangkap ikan di perairan pinggir pantai tanpa lesen. Di sini amat jelas percanggahan di antara pendekatan Jabatan Perikanan Malaysia yang cuba mengehadkan bilangan bot perikanan pinggir pantai, sementara satu pihak lagi iaitu LKIM dan Kerajaan Negeri pula menambahkan bilangan bot nelayan.

PENYELEWENGAN DALAM BANTUAN SUBSIDI

Selain daripada masalah yang dijelaskan di atas, nelayan tradisional merasa tertekan dan resah kerana berlakunya penyelewengan dalam pemberian bantuan subsidi. Ini terjadi kerana selain daripada LKIM, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut juga menyalurkan bantuan subsidi bot, enjin dan perkakas menangkap ikan kepada penduduk setempat. Perkara yang ingin diutarakan di sini ialah pihak ADUN memberikan bot, enjin dan perkakas menangkap ikan kepada nelayan dan juga bukan nelayan. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan nelayan tulen. Mereka mempersoalkan mengapa di kalangan mereka yang merupakan nelayan tulen tidak mendapat bantuan di atas, sementara mereka yang tidak ke laut mendapat bantuan tersebut. Nelayan mendakwa mereka yang mendapat bantuan subsidi di atas terdiri daripada golongan bukan nelayan seperti Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (AJKKK), guru sekolah, pemandu lori, pemandu teksi dan juga kakitangan kerajaan.

Satu perkara yang aneh ialah senarai nelayan yang layak mendapat bantuan subsidi bot, enjin dan perkakas menangkap ikan disediakan dan disokong oleh LKIM. Bagaimanapun senarai tersebut perlu diserah untuk diperakukuan oleh ADUN terlebih dahulu sebelum diproses ke peringkat seterusnya. Nelayan mendakwa pihak ADUN telah membatalkan nama beberapa orang nelayan dan menggantikannya dengan nama orang-orang yang disokong oleh ADUN tersebut. Orang-orang tersebut merupakan penyokong kuat kepada ADUN berkenaan.

Pemberian bantuan subsidi bot, enjin dan pukat kepada golongan bukan nelayan merupakan pembaziran wang awam. Ini disebabkan penerima bukan nelayan tersebut, tidak turun ke laut menangkap ikan, tetapi menjualkan bantuan tersebut kepada golongan nelayan yang memerlukannya dengan harga sekitar RM5,000.00, iaitu separuh daripada harga asal.

Bagi nelayan yang menerima bantuan subsidi, sebilangan daripada mereka menyatakan rasa tidak puas hati terhadap bot dan enjin yang diterima. Mereka menyatakan bot berukuran 17 kaki panjang dan enjin 15 kuasa kuda adalah kecil, tidak sesuai dan tidak selamat untuk mengharung ombak di laut. Menurut mereka, bot tersebut lebih sesuai digunakan untuk nelayan-nelayan sungai. Dengan bot dan enjin bersaiz tersebut, mereka tidak boleh pergi menangkap ikan jauh dari pantai. Bot perikanan tersebut terlalu kecil untuk memuatkan tong ikan fiber seberat 120 kilo, 10 bidang pukat, tong minyak simpanan dan diri nelayan itu sendiri.

Tambahan nelayan lagi, didapati sebilangan bot subsidi tidak dibina dengan sempurna. Didapati ada bot yang tidak seimbang. Untuk mengatasi masalah yang dijelaskan di atas, didapati sebilangan nelayan di Telipok, Marang dan Tanjung Agas telah mengambil tindakan menjual bot bantuan subsidi tersebut dan membeli bot yang lebih besar lagi seperti bot 29 kaki panjang dan enjin 40 kuasa kuda.

KOS OPERASI TINGGI

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kehidupan nelayan tradisional makin terhimpit disebabkan kos operasi menangkap ikan dan kos sara hidup semakin tinggi. Ini amat mereka rasakan apabila berlakunya kenaikan harga minyak. Setiap kali keluar ke laut nelayan perlukan minyak. Oleh kerana sumber ikan di perairan pesisir pantai berkurangan, mereka terpaksa pergi lebih jauh ke tengah laut. Semakin jauh semakin banyak bekalan minyak diperlukan. Malangnya sasaran tangkapan tidak dapat dipastikan. Menurut mereka menangkap ikan ini seperti "mencari barang hilang". Ada kalanya operasi mereka tidak berhasil atau pun ikan yang dapat ditangkap terlalu sedikit. Bagaimana pun yang pasti minyak tetap di konsumsi. Ketika begini kos operasi lebih tinggi dan tidak setimpal dengan pendapatan. Nelayan mengalami kerugian. Untuk terus ke laut di hari seterusnya, nelayan terpaksa mengeluarkan simpanan atau membuat pinjaman kepada tauke ikan. Kenaikan kos bukan sahaja berlaku kepada bekalan minyak, juga terjadi kepada bahan-bahan untuk membuat peralatan menangkap ikan seperti bubu, pancing dan pukat. Malahan kenaikan harga berlaku kepada semua barang keperluan perikanan dan juga keperluan hidup harian.

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak kerajaan cuba membantu nelayan tradisional mengatasi masalah di atas dengan memberi bantuan minyak subsidi. Walaupun bantuan telah dihulurkan, namun begitu masalah masih tetap wujud. Ini disebabkan bantuan minyak subsidi tidak mencukupi. Umpamanya, nelayan yang menggunakan bot subsidi berenjin 30 dan 40 kuasa kuda, hanya menerima minyak subsidi 20 liter sehari dengan harga RM1.00 seliter. Sedangkan untuk membolehkan mereka beroperasi menangkap ikan, mereka memerlukan minyak bot sehari di antara 35 hingga 40 liter. Untuk mengatasi masalah ini, nelayan terpaksa menambah bekalan minyak dengan cara membeli minyak dengan harga biasa atau disebut oleh nelayan sebagai "minyak mahal".

Selain daripada itu di setengah-setengah tempat menghadapi masalah ketidakcukupan stok minyak subsidi. Pelbagai alasan diberikan tentang mengapa hal ini terjadi. Bagaimana pun yang jelas permasalahan ini telah menyebabkan nelayan tradisional tidak dapat keluar ke laut. Bagi nelayan yang ingin meneruskan aktiviti harian mereka terpaksa membeli "minyak mahal".

Seperti pemberian bot dan enjin subsidi, penyelewengan juga berlaku dalam pemberian minyak subsidi. Ini terjadi di mana terdapatnya mereka yang mempunyai lesen bot perikanan, yang tidak pergi ke laut atau yang pergi ke laut sekali sekala tetapi membeli minyak subsidi setiap hari. Minyak subsidi tersebut kemudiannya dijualkan kepada orang awam. Nampaknya apa yang berlaku pada masa lampau masih lagi berulang masa kini. Ishak Shari melaporkan pada tahun 1992 sebagai berikut:

"Skim subsidi nelayan telah dilaporkan menghadapi masalah pengurusan yang tidak cekap, yang seterusnya mengakibatkan pembaziran wang awam serta masalah kegagalan nelayan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sepenuhnya. Skim subsidi kerajaan dikatakan mempunyai kesan negatif yang lain seperti memburukkan lagi masalah kekurangan sumber ikan di negara ini dan menimbulkan sindrom kebergantungan kepada bantuan kerajaan di kalangan nelayan."¹³

Permasalahan minyak di atas, telah mendorong sebilangan nelayan tradisional menyangkutkan enjin sangkut, menggulung pukat dan mendamparkan bot perikanan mereka di pantai. Untuk meneruskan hidup, mereka menjualkan tenaga sebagai awak-awak kepada bot-bot pukat tunda yang lebih besar.

Masalah yang dijelaskan di atas, merupakan masalah umum yang dihadapi oleh nelayan tradisional di Semenanjung Malaysia. Dalam pada itu, terdapat juga masalah-masalah khusus yang hanya berlaku di daerah-daerah perikanan tertentu sahaja, seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

KECETEKAN MUARA SUNGAI

Kegiatan pembalakan secara berleluasa, pembukaan kawasan pertanian perladangan, pembangunan kawasan perumahan dan perindustrian yang berlaku dengan pesatnya, telah menyebabkan banyak sungai-sungai negara ini alirannya menjadi perlahan kerana menerima banyak bahan mendapan akibat pembangunan tersebut. Sebahagian besar daripada bahan mendapan tersebut termendak di muara sungai menyebabkan air sungai menjadi cetek. Kecetekan air sungai ini sehingga menampakkan dasar sungai semasa air sungai surut seperti yang berlaku di kuala Sungai Cherating, kuala Sungai Ular dan kuala Sungai Tanjung Agas di Negeri Pahang. Perkara yang sama juga berlaku di kebanyakan sungai di negara ini.

Kecetekan sungai telah mengganggu aktiviti harian kaum nelayan tradisional. Nelayan tidak boleh keluar dan pulang dari laut sesuka hati, tetapi tertakluk kepada pasang surut air sungai. Ketika air surut, bot-bot nelayan tidak boleh melalui sungai kerana akan terlekat pada lumpur dasar sungai. Ini menyebabkan nelayan yang akan keluar ke laut terpaksa menunggu sehingga air pasang. Waktu air pasang yang tidak bersesuaian dengan waktu operasi

menangkap ikan, akan merugikan kaum nelayan kerana tidak dapat keluar ke laut. Sementara itu nelayan yang telah keluar menangkap ikan perlu pulang sebelum air surut. Sekiranya tidak dapat berbuat demikian, nelayan terpaksa menunggu lama di laut sehingga air pasang. Ini akan merugikan nelayan kerana tidak dapat memasarkan segera hasil tangkapan. Untuk pulang sebelum air surut, biasanya nelayan akan memendekkan waktu operasi atau menjalankan operasi menangkap ikan di perairan yang berhampiran dengan pantai.

ANCAMAN ANGIN MONSUN

Angin Monsun Timur Laut yang menyebabkan laut bergelora telah menghalang golongan nelayan Pantai Timur Semenanjung Malaysia untuk keluar ke laut pada musim tengkujuh. Kesan monsun ini dirasai berbeza di antara nelayan komersial dengan nelayan tradisional. Nelayan komersial yang menggunakan bot-bot perikanan bersaiz besar yang menjalankan operasi menangkap ikan di perairan melebihi 30 batu nautika dari pantai biasanya tidak dapat ke laut beberapa hari sahaja dalam bulan Disember. Sementara bot-bot kecil nelayan tradisional yang beroperasi kurang dari 12 batu nautika dari pantai, tidak boleh keluar ke laut dari dua hingga lima bulan. Mereka tidak boleh keluar ke laut pada bulan November, Disember, Januari, Februari hinggalah bulan Mac, setiap tahun.

Apakah yang mereka lakukan semasa tidak ke laut. Sebilangan kecil nelayan ini menggunakan waktu tersebut untuk membaiki bot, enjin dan peralatan menangkap ikan seperti pukat dan bubi. Sementara itu sebilangan nelayan meneruskan usaha menangkap ikan dengan cara menumpang atau menjadi awak-awak kepada bot-bot perikanan yang lebih besar seperti bot pukat tunda. Terdapat sebilangan nelayan yang meneruskan usaha menangkap ikan, bukan di laut tetapi di sungai-sungai berdekatan untuk menangkap ikan air tawar atau air payau dan juga menangkap ketam bakau. Sebilangan kecil lagi mengusahakan pekerjaan dalam sektor lain seperti menjadi buruh binaan, bertukang rumah, berkebun dan memelihara ternakan.

Bagaimanapun lebih daripada 90 peratus nelayan tradisional tidak melakukan sebarang pekerjaan. Mereka menghabiskan masa melepak di kedai-kedai kopi, berbual, merokok, bermain dam dan menonton televisyen. Mereka tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan. Persoalan penting di sini bagaimanakah mereka menampung kehidupan keluarga pada musim tengkujuh. Tindakan awal yang mereka lakukan ialah dengan menggadaikan barang-barang kemas isteri yang dipakai selama ini. Seterusnya mereka akan meminjam wang daripada tauke-tauke ikan setempat.

Tindakan meminjam wang daripada tauke ikan sudah menjadi amalan dan budaya nelayan tradisional sejak turun temurun.¹⁴ Tauke ikan merupakan tempat nelayan bergantung. Oleh yang demikian tidak hairanlah mengapa sebilangan besar kaum nelayan menjualkan ikan kepada tauke ikan atau dirujuk juga sebagai "dagangan", juragan atau pun lebih dikenali sebagai orang tengah, walaupun pada tingkat harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Pada ketika nelayan menjualkan hasil tangkapan, tauke akan memotong sebanyak 10 peratus daripada jumlah hutang nelayan. Umpamanya nelayan berhutang sebanyak RM500.00, setiap kali menjual ikan, tauke akan memotong sebanyak RM50.00 hinggalah hutang

selesai. Perlu dijelaskan di sini, walaupun nelayan masih belum menyelesaikan hutang mereka sepenuhnya, tauke ikan masih membenarkan mereka membuat atau menokok hutang baru. Sistem yang diamalkan ini hampir sama dengan amalan kad kredit hari ini, cuma bezanya kad kredit mempunyai had kredit.

Kerajaan melalui LKIM cuba mengatasi masalah pergantungan kepada orang tengah dengan cara menyediakan alternatif dan kemudahan pemasaran. Pada peringkat awal program ini menampakkan kejayaan kerana kaum nelayan menjualkan hasil tangkapan melalui saluran pemasaran yang diwujudkan oleh LKIM. Bagaimana pun oleh kerana tiadanya kemudahan pinjaman semasa musim tengkujuh, nelayan berbalik semula kepada orang tengah yang sentiasa membuka ruang untuk mereka. Perkara ini dimaklumi oleh pihak LKIM, tetapi tiada mekanisme untuk bertindak seperti orang tengah.

Nampaknya selagi ada musim tengkujuh selagi itulah nelayan akan meminjam wang daripada tauke ikan. Amalan ini mungkin dapat dibanteras sekiranya nelayan mempunyai pendapatan semasa musim tengkujuh. Untuk mengujudkan peluang pekerjaan, pihak kerajaan dicadangkan supaya memberikan kontrak-kontrak yang berkaitan dengan bidang perikanan kepada kaum nelayan seperti membersihkan dan mendalamkan muara sungai, membina benteng penghalang ombak, membuat jeti dan pangkalan bot, membina infrastruktur di kampung-kampung nelayan dan sebagainya. Usaha ini boleh dijalankan melalui Persatuan Nelayan atau mana-mana syarikat yang bersedia menjadikan kaum nelayan sebagai pekerja mereka.

KESIMPULAN

Kemiskinan merupakan masalah utama dan berlanjutan bagi nelayan tradisional di Semenanjung Malaysia. Untuk itu pihak kerajaan sentiasa berusaha menghapuskan kemiskinan tersebut. Dalam tempoh dua puluh tahun 1970-1990, masalah kemiskinan melalui pendekatan modenisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam strategi pembangunan Dasar Ekonomi Baru, telah dapat dikurangkan dengan banyaknya. Bagaimana pun kepupusan sumber perikanan di perairan pinggir pantai yang diakibatkan oleh tangkapan berlebihan, dan tindakan pukat tunda yang menunda tanpa mempedulikan peraturan sedia ada, akan menjebakkan semula nelayan-nelayan tradisional ke putaran ganas kemiskinan. Ini diakui oleh kebanyakan nelayan tradisional bahawa kehidupan mereka sekarang ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perikanan moden yang memudahkan mereka menjalankan aktiviti harian, tetapi kemudahan ini kurang bermakna kerana hasil tangkapan adalah sedikit, disebabkan kekurangan sumber perikanan.

Keadaan bertambah buruk lagi apabila berlaku kenaikan harga dalam kos operasi menangkap ikan, terutama minyak. Kos operasi yang tinggi dan pulangan pendapatan yang tidak menentu menyebabkan nelayan berhadapan dengan jalan buntu. Kebuntuan ini terus berhantu ketika musim tengkujuh, di mana nelayan berbulan-bulan tidak dapat pergi ke laut.

Dengan berlakunya keadaan yang dijelaskan di atas, dijangka komuniti nelayan yang meneruskan hidup sebagai nelayan tradisional tidak akan dapat meningkatkan hasil tangkapan ikan mereka. Mereka tidak akan mampu bersaing dengan nelayan komersial yang menggunakan bot-bot besar yang dilengkapi dengan

peralatan moden, menjalankan operasi menangkap ikan di laut dalam sepanjang tahun. Kegagalan untuk bersaing dengan nelayan komersial memungkinkan nelayan-nelayan tradisional tersingkir dari arena perikanan, dan akhirnya menamatkan riwayat kerjaya sebagai nelayan.

NOTA HUJUNG

¹ Jabatan Perikanan Malaysia, *Laporan Perikanan Tahunan 2002*, (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, 2005).

² Ibid.

³ Ishak Shari, "Keberkesanan Strategi Pembasmian Kemiskinan Di kalangan Komuniti Nelayan: Satu Pemerhatian Empirikal", dalam Mohd Yaakub Haji Johari, Chang Shui Kiong & Mary Sintoh, *Komuniti Nelayan: Cabaran, Harapan dan Masa Depan*, (Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan (Sabah) dan Yayasan Konrad Adenauer, 1994), 1.

⁴ Nik Hashim, "Satu Analisis Ekonomi Tentang Polisi Pembangunan Industri Perikanan dan Kesannya Ke atas Nelayan dan Penggunaan Sumber", dalam *Malaysia: Isu-isu Pembangunan*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987).

⁵ Ibid., 2-3.

⁶ Ibid.

⁷ Chamhuri Siwar, Basri Abdul Talib, Abdul Malik Ismail dan Nik Hashim Mustapha, "Kemiskinan Nelayan Di Semenanjung Malaysia: Satu Kajian Kes", dalam Mohd. Yaakub Haji Johari, Chang Shui Kiong dan Mary Sintoh, *Komuniti Nelayan: Cabaran, Harapan dan Masa Depan*, (Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan (Sabah) dan Yayasan Konrad Adenauer, 1994), 94.

⁸ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, "Pelan Tindakan Untuk Meningkatkan Taraf Hidup Nelayan Di Malaysia", (tidak diterbitkan), (Kuala Lumpur, 2004), 11-12.

⁹ Jabatan Perikanan Malaysia, *Laporan Perikanan Tahunan*, pelbagai keluaran.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Pembangunan Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia: Umpam Habis Ikan Tak Dapat*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 24.

¹² Ibid.

¹³ Ishak Shari, "Keberkesanan Strategi," hal. 6.

¹⁴ Penjelasan lanjut sila lihat, Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia*, Jabatan Penerbitan (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988).